

Rosol sedia potong gaji

Kuala Berang: Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid bersedia gaji bulanan dipotong dalam usaha mengurangkan beban kewangan negara.

Katanya, semua menteri dan timbalan menteri Kabinet juga disaran tidak keberatan berbuat demikian.

"Terpulang kepada kerajaan untuk memutuskan jumlah peratusan gaji yang akan dipotong," katanya ketika dijumpai selepas menziarahi pusara bapanya, Wahid Chik di Tanah Perkuburan Islam Kampung Bukit Diman, di sini, semalam.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata demikian ketika mengulas cadangan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, supaya barisan Kabinet bersedia untuk pemotongan gaji bagi menjimatkan kewangan negara.

Muhyiddin selepas memperkenalkan mesyuarat Kabinet Rabu lalu dilaporkan bersedia untuk ga-jinya dipotong antara lima hingga 10 peratus berikutan keadaan fizikal negara.

Bagaimanapun, Rosol mencegah cadangan pemotongan gaji menteri lebih tinggi daripada timbalan menteri.



Terpulang kepada kerajaan untuk memutuskan jumlah peratusan gaji yang akan dipotong.

Rosol Wahid,
Timbalan Menteri Perdagangan
Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna

Ketika mengulas arahan Muhyiddin supaya semua anggota Kabinet mengisyiharkan harta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rosol berkata, semua ahli Parlimen Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), sudah membuat pengisytiharan Jun tahun lalu.